

TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS PENUTUPAN PROGRAM UKHUWAH
KOPERASI ANGGOTA BAHARU ANGKASA
NEGERI SELANGOR 2026**

**16 APRIL 2026 (KHAMIS)
12:30 TENGAH HARI,
DEWAN DATO' MOHD ALI BAHARUM,
ANGKASA**

Bismillahhirrahmannirrahim,

Assalamulaikum WBT

Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani
dan Salam Koperasi

Terima Kasih Saudari/Saudara Pengacara
Majlis

(PROTOKOL SAPAAN DIBERI SEMASA MAJLIS)

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, kita dapat bersama-sama dalam Majlis Penutup Program Ukhuwah Koperasi Anggota Baharu ANGKASA Negeri Selangor 2026 pada hari ini.
2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada JKAN Selangor atas penganjuran program yang begitu bermakna ini. Tahniah juga saya ucapkan kepada para peserta yang telah menunjukkan komitmen dan kesungguhan sepanjang berlangsungnya program ini.
3. Sesungguhnya, program ini bukan sekadar platform menghimpunkan anggota baharu, tetapi menjadi medan penting untuk membina jaringan, memperkukuh ukhuwah serta

memahami peranan lebih besar yang boleh dimainkan dalam gerakan koperasi.

Hadirin Hadirat Yang Dihormati

4. ANGKASA sebagai badan puncak gerakan koperasi yang diiktiraf oleh kerajaan amat komited dalam memacu pembangunan koperasi melalui pelbagai inisiatif strategik. Peranan ini bukan sahaja tertumpu kepada pembangunan perniagaan, malah merangkumi usaha memperkukuh kefahaman terhadap nilai, prinsip dan identiti koperasi.

5. Dalam konteks ini, ANGKASA turut berperanan sebagai suara utama gerakan koperasi baik di dalam mahupun luar negara dalam memastikan koperasi terus relevan

sebagai entiti ekonomi yang inklusif, berdaya saing dan mampan.

6. Keberkesanan peranan dan usaha berterusan ini dapat dilihat dengan jelas melalui pencapaian semasa gerakan koperasi di negara kita. Berdasarkan statistik Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sehingga Jun 2025, terdapat lebih 16,324 buah koperasi berdaftar dengan keanggotaan melebihi 7.4 juta individu.

7. Jumlah ini disokong oleh modal syer terkumpul sebanyak RM18.49 bilion, aset bernilai RM267.9 bilion serta perolehan yang dicatatkan sebanyak RM Disember 2024 sekitar RM68.1 bilion. Malah, gerakan koperasi telah berjaya melepasi sasaran kerajaan iaitu RM60 bilion menjelang tahun 2025 apabila mencapai RM64 bilion seawal tahun 2023.

8. Di Negeri Selangor sahaja, terdapat 2,187 koperasi dan Ini jelas menunjukkan bahawa Selangor mempunyai potensi besar sebagai antara penyumbang utama kepada kekuatan ekonomi koperasi negara.

Hadirin Hadirat Yang Dihormati

9. Melangkah ke hadapan, koperasi perlu lebih bersedia menghadapi perubahan global dan perkembangan pesat ekonomi digital. Tumpuan perlu diberikan kepada sektor-sektor berimpak tinggi seperti makanan, logistik, teknologi digital, pertanian moden dan perkhidmatan kewangan.
10. ANGKASA percaya bahawa dengan pemerkasaan ilmu, latihan berterusan dan bimbingan yang tersusun, koperasi mampu berkembang sebagai entiti ekonomi yang lebih kukuh dan

berdaya saing di peringkat nasional mahupun global.

11. Dalam usaha menyokong pertumbuhan ini, pelbagai kemudahan telah disediakan dalam ekosistem koperasi. Koperasi boleh memanfaatkan Tabung Modal Pusingan (TMP) yang disediakan SKM, manakala koperasi yang ingin berkembang boleh menyertai Koperasi Pembiayaan Syariah ANGKASA (KOPSYA).

Hadirin Hadirat sekalian,

12. Akhir kata, saya menyeru agar semua peserta memanfaatkan sepenuhnya ilmu, pengalaman dan jaringan yang diperoleh sepanjang program ini untuk memperkasa koperasi masing-masing. Jadilah agen perubahan dalam

membina ekosistem koperasi yang lebih progresif, inklusif dan mampan.

13. ANGKASA sentiasa terbuka menerima pandangan, cadangan serta jalinan kerjasama daripada semua pihak kerana kekuatan koperasi terletak pada semangat kebersamaan dan kolaborasi strategik.

14. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan **Majlis Penutup Program Ukhuwah Koperasi Anggota Baharu ANGKASA Negeri Selangor 2026.**

Sekian, wabillahitaufik walhidayah,
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.